

Oleh AWANG AZMAN AWANG PAWI

Dalam tradisi kesarjanaan pengajian Melayu, nama Snouck Hurgronje merupakan nama yang cukup kontroversi, khususnya apabila dikaitkan dengan imperialisme dan ilmu kolonial. Keterlibatan beliau dalam kajian dunia Melayu dan Islam merupakan sumber bukti bahawa terdapat campur tangan kuasa imperialisme terhadap pengajian ilmu di Timur. Seterusnya, di sinilah dapat diteliti peranan orientalis dalam pembentukan korpus ilmu kolonial dan ilmu Barat.

Snouck ialah sarjana Belanda dalam ilmu kewilayahan (area studies) yang terlibat dalam kajian budaya, bahasa dan politik masyarakat Timur. Kepakaran dalam bidang tradisi, agama dan bahasa yang ada pada beliau ini menjadikannya dilantik sebagai penasihat hal ehwal peribumi kepada pemerintah kolonial Belanda di Hindia Timur atau dikenali sebagai Netherlands East Indies. Namun, hal yang sedemikian ini berlaku bukanlah secara kebetulan.

Snouck, atau nama sebenarnya Christiaan Snouck Hurgronhe (1857-1936) dilahirkan di Oosterhout, iaitu sebuah kota kecil dan terpencil di selatan Belanda yang hingga kini penduduknya hanya sekitar 50 ribu sahaja. Oosterhout terletak dalam lingkungan kota kecil Breda, Tilburg dan Dordrecht. Dari Oosterhout ke Leiden hanya mengambil masa kira-kira 1 jam 7 minit dengan menaiki keretapi.

Kajian Teologi kepada Kebudayaan Politik

Keluarga beliau mempunyai latar belakang agama. Ayahnya, iaitu

Snouck Hurgronje sebagai Orientalis Belanda

Jacob Julianus Snouck Hurgronje (1812-1870) merupakan paderi dari gereja protestan. Ibu Christiaan Snouck, iaitu Anna Maria de Visser (1813-1854) juga datang daripada keluarga paderi protestan. Datuk Anna Maria, iaitu Jan Scharp (1756-1828) merupakan paderi terkenal di Belanda dan pernah menulis buku tentang Islam pada tahun 1824. Sebenarnya, Anna Maria merupakan isteri kedua ayah Christiaan Snouck. Isteri pertamanya, iaitu Adriana Magdalena van Arichem (1813-1854) telah meninggal dunia yang membawa kepada perkahwinan kedua beliau di Eropah.

Berdasarkan latar belakang, Snouck dididik untuk menjadi paderi di gereja seperti ayah dan datuknya. Hal yang sedemikian ini menyebabkan bidang teologi dijadikan pilihan bidang pengajian pada peringkat ijazah pertama. Beliau memasuki Universiti Leiden pada tahun 1874 sebaik-baik sahaja menamatkan pengajian di kota Breda. Ketika dalam pengajian, Snouck dipengaruhi oleh mazhab moden teologi liberal yang menyatakan bahawa agama Kristian lebih tinggi daripada agama lain, termasuk Islam. Selepas tamat pengajian sarjana pula, beliau tidak lagi berpegang pada kepercayaan atau dogma agama Kristian dan dengan hal yang sedemikian ini, beliau meneruskan pengajian dalam bidang bahasa Semitik dan mengkhusus dalam bahasa Arab dan pengajian Islam. Bidang doktor falsafah beliau adalah tentang ibadah haji orang Islam di Mekah (*Het Mekkaansche Feest*) yang telah berjaya disiapkan pada tahun 1880. Snouck kemudian menjadi pengajar undang-undang agama, tradisi dan adat Hindia Timur bagi program Indonologi di Leiden (Maarten Kuitenbrouwer, 2014:67).

Ketika itu, Snouck (1882:357-420) sering mengkritik tulisan sarjana yang lebih kanan seperti A.W.T Juynboll, pakar Arab dan Islam di Delft. Beliau turut mengkritik J.de Leouter, sarjana undang-undang dari Utrecht dan Van der Berg, penasihat undang-undang di Batavia. Hal yang sedemikian ini banyak menimbulkan kemarahan, dan Van der Berg pernah menyifatkan hal tersebut dengan situasi beliau yang baru tamat pengajian. Snouck ialah anak murid Michael Jan de Goeje (1836-1907) yang merupakan mahaguru di pengajian Timur dan filologi Leiden (Jan Just Witkam, 2007:XVI)

Jaringan Orientalisme

Berdasarkan sumber sejarah Perancis, Snouck seangkatan dengan Ignac Colziger dan Theodor Noldeke yang dianggap sarjana dalam pengajian Islam moden di Barat. Profesor Ignac Colziger ialah pengasas pengajian Islam moden di Eropah yang sanggup mengembara ke Syria, Palestin dan Mesir dan menuntut ilmu berdasarkan kuliah-kuliah agama serta menimba ilmu daripada kiai-kiai agama di masjid al-Azhar, Mesir. Theodor Nöldeke pula dianggap teman dan mentor Snouck dan merupakan orientalis Jerman yang memfokuskan kajian al-Quran dan banyak memegang jawatan akademik, termasuklah sebagai profesor di Universiti Strasbourg (1872-1906) ketika era empayar Jerman. Ternyata rangkaian ini memberikan sumbangan besar kepada imperialisme Barat bagi mengukuhkan penguasaan terhadap negara-negara Timur.

Topeng Kesarjanaan

Snouck dilantik sebagai perunding kolonial Belanda. Hal yang sedemikian ini bermakna beliau mengkaji Timur untuk cita rasa pemerintah kolonial. Antara lain, beliau diminta untuk mencari titik penyelesaian bagi projek "Pan Islamisme" atau kesatuan umat Islam yang dibimbangi akan mengancam kekuasaan Kolonial dan pada masa yang sama berusaha untuk mengekalkan penguasaan Belanda di Hindia Timur.

Sesuai dengan matlamat ini, Snouck dianggap sebagai "James Bond" pertama dalam dunia perisikan kolonialisme Barat apabila dihantar ke Arab Saudi pada tahun 1884 untuk melakukan perisikan tentang jemaah haji Indonesia. Urusan ini diatur secara licik melalui kedutaan Belanda dan hubungan baik dengan beberapa orang dalam Kerajaan Uthmaniyah. Dengan hal yang sedemikian ini, Snouck memperoleh kemudahan dan penghormatan yang tinggi dalam melaksanakan urusan tersebut. Ketika itu, rakyat Aceh khususnya, ingin membebaskan diri mereka daripada belenggu penjajahan dan mereka cenderung berhubung dengan Kerajaan Uthmaniyah.

Dalam sepucuk surat kepada temannya Carl Bezold pada 18 Februari 1886, beliau mengakui berpura-pura berminat tentang agama Islam untuk membina jaringan dengan masyarakat Islam di Mekah dan ulama Islam, serta menggunakan nama Abdul Ghaffar (Van Koningsveld, 1987:81-93). Surat ini masih disimpan di perpustakaan Universiti Heildeberg. Di situlah beliau belajar bahasa Arab dan ilmu agama Islam untuk memahami masyarakat Islam secara lebih mendalam untuk digunakan

sebagai alat membantu usaha kolonialisasi. Di sinilah beliau berkesempatan berjumpa jemaah haji dari Hindia Timur dan memperoleh maklumat tentang situasi Perang Aceh.

Jeddah (Arab Saudi) ketika itu masih di bawah Kerajaan Uthmaniyah. Konsul Belanda di Mekah menyediakan dana biasanya Kerajaan Belanda sebanyak 1500 guilder untuk membolehkan beliau melakukan penelitian di Mekah. Sebenarnya lembaga pengarah KITLV menyumbang tidak kurang empat ribu guilder. Namun, atas cadangan Konsul J.A Kruyt di Jeddah, bantuan tetap kementerian tetap bagi hal ehwal kolonial telah dinaikkan sebanyak 1500 guilder untuk memastikan kesesuaian Snouck (Maarten Kuitenbrouwer, 2014:68). Terdapat kerisauan bahawa Jeddah menjadi pusat gerakan penyatuan Islam untuk menentang Barat (Laffan, 2002: 86). Hal ini dikatakan demikian kerana Abdul Muttalib dilantik sebagai kadi di Mekah pada tahun 1880 dan beliau dianggap sebagai anti-Kristian. Pelantikan ini dibuat oleh Sultan Abdul Hamid II. Kebimbangan pihak kolonial juga berpunca daripada kandungan hadis bahawa akan muncul *mujaddid* atau pembaharu setiap 100 tahun (Laffan, 2002:85-86). Kerajaan Uthmaniyah dianggap kerajaan yang kuat, berkuasa, dan berpengaruh dalam kalangan negara Islam. Setiap kawasan berpenduduk Islam ingin menjalinkan hubungan dan ingin pengiktirafan daripada Kerajaan Uthmaniyah.

Berbaik-baik dengan Tokoh Agama

Bertitik tolak daripada pendapat yang sedemikian itu, misi Snouck

adalah untuk pergi ke kawasan suci orang Islam yang tidak pernah dikunjungi orang bukan Islam kerana orang bukan Islam tidak dibenarkan mengunjungi tanah suci Mekah. Oleh hal yang sedemikian, Snouck mempunyai strategi beliau sendiri untuk menangani masalah ini. Pada mulanya, beliau tinggal di pejabat konsulat dan mula berbaik- baik dengan tokoh-tokoh Islam. Hasil daripada pendekatan ini, beliau dipelawa berpindah ke rumah Raden Haji Aboe Bakar Djajadiningrat, salah seorang bangsawan Banten Hindia Timur. Jesteru, pada 16 Januari 1885 beliau mendakwa dirinya sudah memeluk Islam, membaca syahadah, berkhatah dan menggunakan nama Abdul Ghaffar di hadapan kadi Jeddah yang bernama Ismail Effendi, dan dua wakil gabenor wilayah Hijaz daripada Kerajaan Uthmaniyah yang berpusat di Istanbul. Beberapa hari kemudian, Snouck memberitahu bahawa gabenor Hijaz menjemput beliau melawat Mekah (Jan Just Witkam, 2007:XVIII).

Beliau merupakan orang pertama di dunia yang membuat rakaman suara membaca al-Quran dan juga sanggup berkhatah. Snouck menerima surat daripada ilmuwan Mekah tentang penerimaan Islam tanpa diragui niat dan matlamat sebenar. Beliau berpeluang berguru dengan Ahmad Zaym Dahlan (1817-1886), sarjana Islam penting di Mekah yang dianggapnya sebagai rektor Universiti Mekah (Jan Just Witkam, 2007:XIX). Penerimaan ini memudahkan Snouck mengkaji dan mendapatkan maklumat tentang masyarakat Islam dan membekalkan "pengetahuan berguna" kepada pihak Belanda dari Mekah yang pihak kolonial Belanda sendiri tidak mempunyai akses tersebut. Pengalaman di Jeddah dan Mekah dikumpulkan

dan diberikan kepada Belanda dan hal yang sedemikian ini menyebabkan kolonial Belanda memberikan ganjaran jawatan tetap di konsulat Belanda di Jeddah. Snouck tetap kekal sebagai pemberi maklumat sulit tentang Hijaz dan Mekah meskipun beliau tidak lagi tinggal di Hijaz (Jan Just Witkam, 2007:XVII).

Bagaimanapun, Snouck diusir dari Mekah dan negara Arab oleh gabenor Turki pada Ogos 1885 apabila mulai timbul keraguan (Jan Just Witkam, 2007:XIX). Ada pula sumber yang menyatakan bahawa lima bulan lebih sebelum bermulanya musim haji, Snouck terus keluar dari Mekah kerana sudah timbul khabar angin yang dikeluarkan oleh pihak kedutaan Perancis yang menuduh Snouck mencuri artifak silam.

Kembali ke Belanda

Apabila balik ke Belanda, Snouck memulakan penulisan tentang pengalaman dan data yang diperolehi dari kota suci Mekah. Sebenarnya, Raden Aboe Bakar Djajaningrat, anak bangsawan Banten yang banyak membekalkan data berkenaan laporan, amalan, sikap dan pelbagai perlakuan masyarakat di Mekah melalui kiriman surat-menyurat (Jan Just Witkam, 2007:XVI). Namun, ketika buku *Mecca* diterbitkan pada tahun 1888, nama Aboe Bakar langsung tidak disebutkan oleh Snouck, seolah-olah tidak ada sumbangan atau bantuan daripada Raden Aboe Bakar sedangkan pelbagai deskripsi kehidupan penduduk Mekah dan catatan kehidupan tokoh-tokoh ulama Indonesia yang tinggal di Mekah kebanyakannya berdasarkan sumber daripada Raden Aboe Bakar.

Penerbitan buku ini menyebabkan nama Snouck

Berdasarkan pengalaman di Aceh, Snouck menulis banyak artikel tentang masyarakat tersebut dan situasi Islam di Hindia Timur. Apabila J.B. van Heutsz yang sebelumnya memegang jawatan mejar dilantik sebagai gabenor ketenteraan pada tahun 1898, beliau melantik Snouck sebagai penasihat dan mengambil peranan penting dalam beberapa siri Perang Aceh.

mula dikenali dalam kalangan orientalis dan di beberapa buah universiti termasuklah Leiden, Tubingen dan Cambridge yang menawarkan jawatan dalam bidang pengajian Islam dan Arab. Namun, tawaran ini ditolak oleh Snouck pada mulanya sebelum menerima tawaran sebagai ahli *Royal Netherlands Academy of Arts and Sciences* pada tahun 1888. Pada tahun 1889, beliau dilantik menjadi profesor pengajian Melayu di Universiti Leiden dan menjadi penasihat rasmi kerajaan tentang hal ehwal kolonial. Beliau menggantikan Van den Berg sebagai penasihat Kerajaan Hindia Timur di bawah kontrak sementara pada tahun 1889 dan kontrak tetap pada tahun 1891 (Maarten Kuitenbrouwer, 2014:69)

Orientalis di Sumatera Utara

Operasi perisikan Snouk ini di bawah naungan kolonial Belanda turut membawa Snouck ke Sumatera Utara dan berfokus pada Aceh. Beliau menyusup masuk menyertai masyarakat Islam. Perisikan ini diatur secara licik hingga beliau berjaya berkahwin dengan seorang wanita Islam bangsawan pada tahun 1890, dan apabila isterinya meninggal dunia akibat keguguran pada tahun 1895, Snouck sudah mempunyai empat orang anak. Ketika itu orang Belanda ditegah mengahwini peribumi.

Namun, Snouck mengahwini seorang lagi bangsawan Islam berumur 13 tahun dan mempunyai seorang anak. Menurut sumber Perancis, setelah misi perisikan Snouck berjaya, beliau diminta meninggalkan serta-merta Hindia Timur oleh pihak berkuasa Belanda dan hubungan perkahwinan beliau di Hindia Timur dirahsiakan. Perkahwinan secara Islam Snouck dengan wanita elit di barat Jawa sekitar 1889 dan 1906 ini diatur sedemikian rupa untuk mengertakan hubungan Snouck dengan golongan elit di Hindia Timur. Pada tahun 1914, ketika Snouck berumur 58 tahun, beliau berkahwin dengan wanita Belanda yang muda dan mempunyai anak yang diberi nama Christien Liefrinck-Snouck Hurgronje (Leon Busken, 2016:29-30).

Sehingga 1893, beberapa kajian yang dilakukan oleh pihak orientalis dilaporkan kepada pihak berkuasa Belanda. Ada juga maklumat yang diklasifikasikan sebagai rahsia. Kebanyakannya ialah laporan Snouck untuk menasihati Belanda menguasai masyarakat Hindia Timur. Kolonial Belanda meragui golongan yang mengerjakan haji yang dianggap sebagai ancaman politik dan antikerajaan. Terdapat juga laporan bahawa ada jemaah yang balik membawa bendera Kerajaan Uthmaniyah dan mengaitkan diri mereka dengan kesultanan atau khalifah Uthmaniyah. Istanbul dianggap

sebagai pusat penyatuan Islam, manakala Mekah merupakan pusat keagamaan. Bagaimanapun, hasil pemerhatian Snouck pada tahun 1885 di Mekah menyatakan bahawa Mekah bukan kawasan konspirasi antikolonial tetapi lebih kepada pusat kesedaran kemunculan imperialisme Eropah dan mulai mendominasi dunia Islam, serta kebangkitan gerakan penentang hasil tindak balas tersebut. Ancaman sebenar kepada Belanda ialah Kerajaan Uthmaniyah dan bukannya golongan haji (Snouck Hurgronje, 1901). Justeru, perlunya bekerjasama dengan golongan elit sufi bagi kesinambungan kolonial di Hindia Timur.

Berdasarkan pengalaman di Aceh, Snouck menulis banyak artikel tentang masyarakat tersebut dan situasi Islam di Hindia Timur. Apabila J.B. van Heutsz yang sebelumnya memegang jawatan mejar dilantik sebagai gabenor ketenteraan pada tahun 1898, beliau melantik Snouck sebagai penasihat dan mengambil peranan penting dalam beberapa siri Perang Aceh. Beliau ialah rakan sekolah lama Snouck. Pengetahuan tentang tradisi masyarakat Aceh dan budaya Islam banyak membantu pihak kolonial. Perang 40 tahun berjaya ditamatkan pada tahun 1904 dan Snouck berjaya mempengaruhi pembentukan dasar kolonial. Kesemua bangsawan menandatangani petujuan untuk akur kepada

kolonial Belanda. Apabila Aceh berjaya ditundukkan, Snouck turut menggunakan model Aceh ini (Maarteen Kuitenbrouwer, 2014:71). Namun, apabila sumbangannya semakin berkurangan, beliau memutuskan untuk kembali sebagai ahli akademik di Universiti Leiden pada tahun 1906, menggantikan gurunya De Goeje (Jan Just Witkam, 2007:XX). Beliau terus aktif dan menikmati dunia akademik sepenuhnya. Dalam pada itu, banyak penentangan timbul dan berlarutan hingga tahun 1945 di Hindia Timur kerana strategi Snouck tidak diikuti sepenuhnya.

Pemikiran Snouck sebagai Orientalis

Van Koningsveld (1985:131) pernah mencatatkan sikap streatotaiip orang Aceh dalam surat-menyurat Snouck dengan Profesor Goldziher. Menurut Snouck, *"the Achinese are from the religious point of view very bad Muslims, addicted to opium, divided by eternal tribal strife like the Bedouins, and as to each other and to strangers they are perfidious, and so on. Politically it is different. The hate towards the infidels and the arrogance as to their own importance has entered their flesh and blood"*. Hal yang sedemikian ini menunjukkan prasangka dan pandangan negatif Snouck terhadap orang Aceh.

Inti pati pemikiran penting Snouck yang menunjukkan penguasaan ilmu kolonial melalui penyelidikan dan kerja lapangan dapat dilihat melalui saranan yang diberikan kepada pemerintah kolonial untuk memecahbelahkan golongan ulama dan bangsawan. Menurut Snouck, untuk mengekalkan kolonialisasi, Islam perlu diabaikan berkembang sekadar aspek ritual semata-mata seperti solat dan puasa, namun jangan biarkan Islam tersebut berkembang meliputi hukum syariah dan pelaksanaannya kerana

dibimbangi akan memberikan kekuatan politik Islam yang akan menjadi ancaman kepada kekuasaan kolonial. Sekiranya politik Islam tidak disejat, lahirah "sebuah ideologi yang menolak kekuasaan Eropah". Dengan kata lain, sekularisme Islam diperlukan untuk membolehkan keserasian dan kesejahteraan dengan peradaban Barat. Lanjutkan daripada hal yang sedemikian ini, Snouck meminta agar beberapa adat dan upacara budaya dihormati. Membiarkan masyarakat terikat dengan adat dan budaya mereka nescaya aspek agama akan kurang diberikan fokus.

Masyarakat Hindia Timur juga perlu dihadkan hubungan dengan empayar Uthmaniyah atau negara Islam yang lain untuk mengelakkan jalinan hubungan baik dan sokongan politik Islam. Pemodenan dibenarkan, namun memerlukan dasar asimilasi budaya agar agama Islam tidak terulau menonjol atau dominan. Bagi Snouck pembedayaan lebih berkesan daripada kristianisasi yang pasti ditolak oleh umat Islam kerana hal yang sedemikian itu bersifat terlalu langsung. Selain itu, Snouck juga berpendapat bahawa tidak semua umat Islam berbahaya kepada penjajah. Hal yang penting bagi memenangi hati rakyat ialah "militan" agama perlu dihindari dengan menjauhkan mereka daripada pengaruh Islam dari luar.

Snouck juga mencadangkan strategi ketenteraan untuk menangani penentangan bersenjata dan memaksa golongan bangsawan untuk menyerah diri kepada pihak kolonial dan mengekalkan kuasa bangsawan di bawah kekuasaan kolonial. Menurut Snouck gerakan secara ketenteraan ini diikuti oleh pendamaian dan kesejahteraan dengan membangunkan pertanian, industri, dan perdagangan. Hal yang sedemikian ini sangat penting dan menguntungkan pihak kolonial (Maarteen Kuitenbrouwer,

Pada tahun 1938, pihak kolonial Perancis melantik Snouck sebagai penasihat kehormat pembentukan dasar kolonial di Morocco. Tugasnya adalah untuk merangka dasar pengurusan masyarakat Islam di Morocco dan menangani masyarakat Islam di Perancis.

2014:69). Apabila Snouck kembali ke Belanda, beliau telah dianugerahkan dengan pelbagai penghormatan termasuk dua anugerah pingat *Legions of Honour*, iaitu *Commandeur in de orde van de Nederlandse leeuw dan Grootkruis in de orde van Oranje-Nassau*. Pada tahun 1938, pihak kolonial Perancis melantik Snouck sebagai penasihat kehormat pembentukan dasar kolonial di Morocco. Tugasnya adalah untuk merangka dasar pengurusan masyarakat Islam di Morocco dan, menangani masyarakat Islam di Perancis. Ketika itu, Morocco berada di bawah jajahan Perancis.

Peranan Snouck terhadap ilmu orientalisme sangat penting untuk membantu memperluas imperialisme. Snouck berjaya melakukan misi orientalisme dan menjadikan kerjaya akademik untuk memenuhi tuntutan negaranya sebagai salah sebuah kuasa kolonial. Peranan yang dimainkan juga menarik untuk melihat hubungan kolonialisme dengan orientalis, serta kaitannya dengan dasar dan sikap kolonial di negara jajahan. DB